


Menyingkap Sejarah Tokoh Negara Tun Dr. Ismail

Sejak zaman sebelum kemerdekaan negara hingga hari ini, Malaysia sentiasa mempunyai tokoh hebat yang harus disanjung. Tanpa kita sedar, merekalah yang menyumbang kepada perkara yang kita nikmati pada hari ini. Antara tokoh tersebut termasuklah Yang Amat Berbahagia (YABhg.) Tun Dr. Ismail Dato' Haji Abdul Rahman, mantan Timbalan Perdana Menteri. Oleh itu, pada kali ini kita akan menyingkap latar belakang dan kerjaya politik beliau.

Tun Dr. Ismail Dato' Haji Abdul Rahman dilahirkan pada 4 November 1915 di Johor Bahru, Johor, hasil perkongsian hidup antara Yang Berbahagia (YBhg.) Dato' Haji Abdul Rahman Mohamed Yasin dengan YBhg. Datin Zaharah Abu Bakar. Tun Dr. Ismail mendapat pendidikan awal di Sekolah Bukit Zaharah, Johor Bahru, sebelum melanjutkan pelajaran pada peringkat menengah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Beliau telah melanjutkan pengajian di English

College, Johor Bahru, sebelum menyambung pengajian dalam bidang perubatan di Universiti of Melbourne, Australia, pada Mei 1940. Selepas lima tahun, iaitu pada tahun 1945, beliau berjaya menjadi anak Melayu pertama mendapat Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan dari universiti berkenaan. Setelah kembali ke tanah air, beliau membuka klinik perubatan sendiri yang dinamakan sebagai Tawakkal dan turut bekerja secara sambilan di Hospital Besar Johor Bahru.



Meskipun sibuk dengan tugas sebagai doktor, beliau masih mempunyai masa untuk menceburi bidang politik, Tun Dr. Ismail dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Hizbul Muslimin yang pertama pada tahun 1948. Pada tahun yang sama, beliau dilantik sebagai Anggota Bebas Dewan Undangan Negeri Johor. Kerjaya politik beliau lebih menyerlah dan semakin dikenali apabila beliau menyertai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1951 dan diberi amanah untuk memikul beberapa jawatan penting. Tun Dr. Ismail dipilih sebagai wakil Parti Perikatan dalam Majlis Perundangan Persekutuan yang diadakan pada tahun 1953. Pada 1 November 1953, beliau dilantik sebagai Menteri Tanah, Galian dan Perhubungan dalam kabinet British menerusi Sistem Ahli yang diwujudkan bagi memberikan latihan pentadbiran kepada pemimpin Persekutuan Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan. Dalam fasa negara mencapai kemerdekaan, beliau telah memainkan peranan yang sangat penting. Beliau bersama-sama tokoh politik tempatan, Yang Teramat Mulia (YTM) Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Yang Amat Berhormat (YAB) Tun Abdul Razak Dato' Hussein, wakil Raja-raja Melayu dan beberapa orang lagi tokoh politik negara telah berangkat ke London pada 1 Januari 1956 untuk merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sewaktu memegang jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan pada tahun 1956, beliau telah melakukan pelbagai inisiatif bagi merangsang ekonomi negara. Sebagai contoh, bagi mempromosikan sumber negara demi menarik pelabur asing, Tun Dr. Ismail yang baru sahaja bergelar sebagai menteri telah melaksanakan pelbagai inisiatif sehingga sumber ekonomi negara meningkat dengan drastik hasil daripada kemasukan pelabur asing. Beliau juga bertanggungjawab memohon bantuan modal untuk memacu pembangunan negara melalui Rancangan Colombo.

Tun Dr. Ismail merupakan menteri pertama yang menerajui Kementerian Dalam Negeri (KDN) apabila Kementerian tersebut diperkenalkan oleh Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1960. Tugas tersebut dipikul oleh beliau dari 1 September 1960 hingga 30 Mei 1967. Sepanjang hampir tujuh tahun menggalas amanah sebagai Menteri KDN, banyak kaedah baharu yang diperkenalkan oleh beliau untuk menjaga keselamatan negara. Beliau telah mencetuskan idea untuk menawarkan pengampunan kepada pengganas komunis menggunakan dua juta risalah yang dijatuhkan dari kapal terbang ke kawasan hutan pada 22 Julai 1966. Taktik tersebut berjaya mengurangkan

jumlah pengganas komunis di dalam negara. Selain itu, berbekalkan kepakaran diplomatik yang dimiliki oleh beliau, banyak kerjasama dengan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand diadakan oleh beliau untuk bersama-sama berganding bahu mengatasi masalah tersebut. Hasil usaha beliau, pada Mac 1967, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani perjanjian keselamatan untuk mengatasi ancaman komunis. Pada penghujung Mei 1967, beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan KDN kerana ingin bersara sebagai menteri dan jawatan tersebut telah digalas oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri.

Sewaktu negara berhadapan dengan peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Tun Dr. Ismail yang telah bersara daripada pentadbiran kerajaan telah dipanggil kembali oleh Tun Abdul Razak untuk mencurahkan bakti. Hal ini disebabkan oleh sifat kepimpinan yang ditonjolkan oleh Tun Dr. Ismail yang begitu menyerlah dan tidak dapat disangkal lagi. Pada 22 September 1970, iaitu semasa Tun Abdul Razak dilantik sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, iaitu Timbalan Menteri yang kedua bagi menggantikan Tun Abdul Razak. Sewaktu memegang portfolio tersebut, terdapat banyak penambahbaikan yang dilakukan oleh beliau kepada pentadbiran kerajaan. Beliau telah memindahkan pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Polis daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada KDN pada 30 Disember 1970. Dalam tempoh tersebut, beliau sangat aktif memperbaiki dan memperkukuh hubungan diplomatik dengan Indonesia dan Thailand serta mengekalkan hubungan baik dengan Singapura.

Pada 2 Ogos 1973, Tun Dr. Ismail menghembuskan nafas terakhir di rumahnya di Jalan Maxwell, Kuala Lumpur. Allahyarham yang berusia 57 tahun meninggal dunia sekitar pukul 10.00 malam kerana serangan jantung. Jenazah Allahyarham dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur, selepas solat Jumaat. Allahyarham merupakan pemimpin negara yang pertama dikebumikan di Makam Pahlawan. Terlalu banyak jasa Allahyarham kepada negara dan hampir mustahil untuk kita semua membalasnya. Menurut Tun Abdul Razak, beliau bukan sahaja kehilangan teman seperjuangan yang dijadikan tempat bergantung, tetapi juga kehilangan seorang rakan karib. Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan yang besar buat negara dan masih dirasai hingga hari ini.

- Untuk mengetahui perkara ini dengan lebih lanjut, carian maklumat bolehlah dibuat melalui <https://ofa.arkib.gov.my> dan <http://hids.arkib.gov.my>.



Tun Dr. Ismail (dua dari kiri) bersama-sama ahli rombongan merdeka sebelum berangkat ke London untuk menyertai Persidangan Meja Bulat pada 18 Januari 1956.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0049958)



Tun Dr. Ismail ketika menyempurnakan Upacara Pelancaran Rasmi Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang, pada 30 September 1972.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0041339W)



Tun Dr. Ismail (tiga dari kiri) dan Tun Abdul Razak (dua dari kanan) semasa melawat Lembaga Letrik Negara di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur, pada 28 Mac 1973.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0041789)



KDYMM Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong menganugerahkan Darjah Seri Setia Mahkota (S.S.M.) yang membawa gelaran Tun kepada Tun Dr. Ismail Dato' Haji Abdul Rahman di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada 8 Jun 1966.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0041789)



Tun Abdul Razak menyiramkan air di pusara Allahyarham Tun Dr. Ismail di Makam Pahlawan, Masjid Negara, Kuala Lumpur, pada 4 Ogos 1973.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 2001/0042189)

24.04.1998

Majlis Pelancaran Amanah Saham Angkasa (ASA) disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri di Kelana Jaya, Selangor.

06.04.1995

Upacara Pembubaran RASCOM (Tentera) dan Pengisytiharan Penubuhan 9 Briged disempurnakan oleh YB Tan Sri Datuk Amar Dr. Wong Soon Kai, Timbalan Ketua Menteri Sarawak di Padang Kawad Batalion Kesepuluh, Regimen Renjer Diraja, Kem Oya, Sibu, Sarawak.

05.04.1989

Majlis Perasmian Lebuhraya Tol Ayer Keroh-Pagoh disempurnakan oleh YAB Encik Abdul Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri di Muar, Johor.

03.04.2013

KDYMM Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong memperkenankan pembubaran Dewan Rakyat bagi mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-13.

01.04.1946

Malayan Union secara rasmi ditubuhkan bagi menggantikan pentadbiran tentera British, iaitu British Military Administration (BMA) dalam satu majlis di Bangunan Kerajaan, Kuala Lumpur.

16.04.1959

YAB Dato' Abdul Razak Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri dilantik sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang baharu di Istana Negara, Kuala Lumpur. Pelantikan YAB Dato' Abdul Razak dibuat bagi menggantikan YTM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang telah meletakkan jawatan sehari sebelum itu kerana ingin memberikan fokus terhadap pilihan raya pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Peristiwa Bersejarah April

18.04.1967

DYMM Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman diisytiharkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dalam satu majlis yang diadakan di Istana Besar, Seri Menanti, Negeri Sembilan.

26.04.1984

Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Perisytiharan Jawatan Yang di-Pertuan Agong kelapan diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur.

17.04.1984

Majlis Perasmian Pelabuhan Kuantan disempurnakan oleh KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Yang di-Pertuan Agong di Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang.

02.04.1969

YBhg. Tan Sri Tuanku Haji Bujang Tuanku Haji Othman dilantik sebagai Gabenor Sarawak dalam satu majlis yang diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur.